

SOALAN NO : 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 02 DISEMBER 2015

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan yang disediakan kepada semua hospital di Sabah khasnya Hospital Duchess Of Kent di Sandakan berbanding negeri lain dari tahun 2010 hingga 2014. Senaraikan semua projek yang telah dilaksanakan serta perbelanjaan yang telah diguna pakai untuk tujuan pembangunan sector kesihatan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan mengurus yang disediakan kepada hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri Sabah dari tahun 2010 sehingga tahun 2014 adalah berjumlah RM5.028 bilion iaitu 10 peratus dari jumlah keseluruhan peruntukan Mengurus KKM bagi hospital yang berjumlah RM50.335 bilion bagi tempoh yang sama. Manakala peruntukan Mengurus Hospital Duchess of Kent Sandakan dari tahun 2010 sehingga tahun 2014 adalah berjumlah RM505.92 juta iaitu 10.1 peratus dari jumlah keseluruhan peruntukan Mengurus hospital-hospital KKM di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kos projek yang telah diluluskan bagi Negeri Sabah dalam RMK 10 (2011-2015) adalah sebanyak **RM1,310,152,569**. Jumlah ini **21.82%** daripada keseluruhan kos projek di negeri-negeri lain yang diluluskan untuk sektor kesihatan dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan adalah sebanyak **RM795,109,582** iaitu **60.68%** dari kos projek untuk sektor kesihatan dibawah KKM bagi Negeri Sabah. Baki daripada kos projek akan dibelanjakan dalam tempoh RMK11.

Daripada jumlah di atas, terdapat dua (2) projek pembangunan telah diluluskan khas untuk Hospital Duchess of Kent untuk dilaksanakan menggunakan Peruntukan Pembangunan di bawah RMK-10 iaitu:

- 1- Naiktaraf Blok Lama Hospital Duchess Of Kent yang melibatkan kos keseluruhan RM6 juta. Daripada jumlah ini sebanyak RM 3.5 juta telah digunakan untuk menaiktaraf sistem gas perubatan Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan projek ini telahpun siap. Baki peruntukan sebanyak RM 2.5 juta adalah dalam peringkat perancangan untuk dilaksanakan.
- 2- Naiktaraf Jabatan Farmasi Hospital Duchess Of Kent melibatkan kos keseluruhan RM2 juta. Projek ini telah diluluskan pada tahun 2015 dan sedang diperingkat perancangan pelaksanaan.

Selain daripada itu, terdapat projek-projek pembaikan kecil seperti Naiktaraf Lif Hospital, Naiktaraf Sistem Keselamatan dan sebagainya yang telah dilakukan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan seperti berikut:

- a- Tahun 2012 – RM 1,513,598.00 (4 projek);
- b- Tahun 2013 – RM 795,300.00 (9 projek); dan
- c- Tahun 2015 – RM 200,000.00 (2 projek).

SOLAN NO: 15

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2015 (Rabu)

RUJUKAN : DR065

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan statistik terkini dan usaha pencegahan aktiviti pembuangan minyak hitam secara tidak terurus ke dalam saluran air walaupun ianya adalah bahan buangan berjadual dan sangat bertoksik sehingga boleh memusnahkan ekosistem.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sepanjang tahun 2003 sehingga 2015, sebanyak 18 kes yang melibatkan pembuangan minyak hitam ke atas tanah telah direkodkan oleh Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS). Daripada 18 kes tersebut, sebanyak 14 kes berlaku dalam tempoh antara tahun 2003 hingga 2005.

Manakala terdapat satu (1) kes yang melibatkan pembuangan minyak hitam terus ke sungai sehingga menjelaskan pengoperasian tiga (3) buah loji rawatan air di Sungai Selangor yang berlaku pada akhir 2013.

Antara usaha pencegahan pencemaran yang telah dan akan diambil oleh JAS bagi mengawal pencemaran dari minyak hitam yang merupakan salah satu buangan toksik dan merbahaya yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 adalah:

- (i) melaksanakan penguatkuasaan tegas terhadap kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 termasuk melesenkan premis-premis

pemerolehan kembali minyak hitam terpakai serta pengangkut buangan terjadual.

- (ii) memperkenal dan melaksanakan prinsip '*cradle to cradle*' dalam pengurusan buangan terjadual melalui pendekatan menggunasemula buangan terjadual sebagai bahan mentah pilihan (alternatif material) antaranya melalui teknologi '*co-processing*'. Pendekatan ini telah menambah nilai kepada buangan terjadual untuk diuruskan dengan cara yang lebih menguntungkan kerana adanya nilai ekonomi sebagai pendapatan tambahan pihak yang berkaitan khususnya pengeluar buangan.
- (iii) Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dengan sistem pemantauan pengurusan buangan terjadual melalui keperluan orang yang berwibawa dan latihan kepada operator dalam menguruskan buangan terjadual oleh sektor industri.
- (iv) Melaksanakan pemantauan dan mewajibkan pelaporan secara *on-line* melalui pembangunan sistem E-SWIS juga merangkumi elemen forensik untuk mengenalpasti pihak-pihak yang melakukan pengurusan buangan terjadual secara tidak selamat.
- (v) menerbitkan pelbagai garispanduan bagi membantu pihak industri menguruskan buangan terjadual yang dihasilkan

mengikut kehendak undang-undang dan memastikan ianya diurus dengan selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar

- (vi) pelaksanaan audit pematuhan kepada kehendak perundangan alam sekitar oleh pihak ketiga (independent auditor) bagi meningkatkan keberkesanan pemantau
- (vii) Menjalankan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar dan mendapatkan maklumat awal pencemaran alam sekitar dari masyarakat yang bertindak sebagai mata dan telinga JAS melalui program Rakan Alam Sekitar (RAS) dan program 3P (Pasukan Pemantau Pencemaran).

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN
BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
[PKR]**

TARIKH : 2 DIS 2015, RABU

SOALAN : 16

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) jumlah pembiayaan pelajar-pelajar yang ditaja oleh MARA sejak 5 tahun kebelakang antara tahun 2010 hingga 2015; dan

- (b) statistik jumlah pelajar mengikut kursus pada tahun-tahun tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Program penajaan pelajaran secara pinjaman boleh ubah yang disediakan oleh MARA dalam pelbagai peringkat pengajian di dalam dan di luar negara bertujuan memenuhi keperluan pasaran semasa yang memerlukan modal insan yang profesional dan *global oriented*.

Untuk makluman YB, purata perbelanjaan tahunan bagi penajaan pelajar mengikuti pengajian di dalam dan di luar negara ialah kira-kira RM2 bilion setahun.

Berikut ialah jumlah pelajar berdasarkan bidang pengajian dari tahun 2010 hingga 2015.

| BIDANG PENGAJIAN | JUMLAH PELAJAR | | | | | | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|----------------|-------|-------|-------|--------|-------|--------------------|
| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | |
| DALAM NEGARA | | | | | | | |
| DOKTOR PAKAR | 1 | 1 | | 2 | 85 | | 89 |
| KEJURUTERAAN | 4,035 | 4,997 | 6,947 | 9,150 | 10,152 | 2,239 | 37,520 |
| MATEMATIK, PERANGKAAN DAN SAINS KOMPUTER | 922 | 1,099 | 1,533 | 2,009 | 2,135 | 471 | 8,169 |
| PENDIDIKAN | 31 | 149 | 205 | 928 | 1,742 | 76 | 3,131 |
| PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG | 1,916 | 3,243 | 5,516 | 8,710 | 10,661 | 1,635 | 31,681 |
| PENILAIAN DAN PENYELIDIKAN | 1 | | | | | | 1 |
| PERAKAUNAN | 658 | 1,114 | 1,935 | 3,196 | 2,890 | 768 | 10,561 |

| BIDANG PENGAJIAN | JUMLAH PELAJAR | | | | | | |
|---|----------------|--------|--------|--------|--------|-------|--------------------|
| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | JUMLAH KESELURUHAN |
| PRA-U | 857 | 820 | 153 | 343 | 1,704 | 668 | 4,545 |
| SAINS DAN SAINS PERTANIAN | 1,146 | 1,811 | 2,404 | 4,102 | 5,293 | 318 | 15,074 |
| SAINS PERUBATAN | 465 | 610 | 848 | 897 | 1,199 | 113 | 4,132 |
| SASTERA DAN KEMANUSIAAN | 729 | 1,136 | 1,583 | 2,613 | 3,146 | 373 | 9,580 |
| SENI BINA DAN PERANCANGAN | 164 | 250 | 247 | 304 | 340 | 8 | 1,313 |
| JUMLAH PELAJAR DALAM NEGARA | 10,925 | 15,230 | 21,371 | 32,254 | 39,347 | 6,669 | 125,796 |
| LUAR NEGARA | | | | | | | |
| DOKTOR PAKAR | | 2 | 2 | 1 | 1 | 2 | 8 |
| KEJURUTERAAN | 426 | 420 | 739 | 1,256 | 1,134 | 720 | 4,695 |
| MATEMATIK, PERANGKAAN DAN SAINS KOMPUTER | 28 | 72 | 128 | 130 | 150 | 86 | 594 |
| MEISTER | | | | 5 | 64 | 13 | 82 |
| PENDIDIKAN | 25 | 21 | 17 | 64 | 73 | 21 | 221 |
| PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG | 49 | 162 | 355 | 623 | 719 | 606 | 2,514 |
| PENILAIAN DAN PENYELIDIKAN | | | 2 | 5 | 3 | 2 | 12 |
| PERAKAUNAN | 27 | 50 | 86 | 141 | 158 | 77 | 539 |
| PRA-U | | | | 4 | 11 | 48 | 63 |
| SAINS DAN SAINS PERTANIAN | 61 | 98 | 219 | 419 | 401 | 205 | 1,403 |
| SAINS PERUBATAN | 924 | 731 | 907 | 563 | 545 | 228 | 3,898 |
| SASTERA DAN KEMANUSIAAN | 1 | 43 | 78 | 176 | 156 | 92 | 546 |
| SENIBINA DAN PERANCANGAN | 11 | 43 | 77 | 140 | 136 | 94 | 501 |
| JUMLAH PELAJAR LUAR NEGARA | 1,552 | 1,642 | 2,610 | 3,527 | 3,551 | 2,194 | 15,076 |
| JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR DI DALAM DAN LUAR NEGARA | 12,477 | 16,872 | 23,981 | 35,781 | 42,898 | 8,863 | 140,872 |